

# PM: Hapuskan prasangka swasta - awam

KUALA LUMPUR, Khamis — Sektor awam dan swasta mesti menghapuskan prasangka antara mereka untuk menghayati konsep Persyarikatan Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Perdana Menteri berkata, konsep itu harus membuka jalan bagi corak pekerjaan yang baru kepada kakitangan awam.

"Mereka tidak harus mensifatkan golongan swasta sebagai musuh atau saingan yang hendak menipu dan melanggar dasar-dasar. Sebaliknya, mereka perlu dianggap sebagai rakan yang me-

merlukan nasihat, bantuan dan panduan.

Bagi golongan swasta pula, mereka tidak harus mensifatkan kakitangan awam sebagai orang-orang yang hendak menyusahkan kehidupan mereka, menunggu hendak dipuji dan sebagainya. Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan seminar mengenai Persyarikatan Malaysia, di sini.

Beliau menambah, konsep itu memerlukan sektor awam dan swasta bekerja sebagai satu pasukan, bukan sahaja dalam memenuhi pelbagai dasar Kerajaan, tetapi juga untuk faedah kedua pihak demi kejayaan keseluruhan

Malaysia sebagai sebuah negara dan rakyatnya.

Ucapan Perdana Menteri itu dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr James Ongkili. Seminar sehari itu dianjurkan oleh Persatuan Antarabangsa Penuntut-Penuntut Ekonomi dan Pentadbiran Malaysia (Aiesec).

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan, Kerajaan tidak menggunakan model Jepun sepenuhnya di bawah konsep itu.

"Kita perlu bekerja mengikut keperluan kita. Walaupun ada beberapa sekatan di sana-sini, tetapi peluang adalah luas untuk memastikan pendekatan yang kita panggil Persyarikatan Malaysia

ini berjaya," ujarnya.

Beliau berkata, Malaysia sangat bertuah kerana dikurniakan berbagai-bagai sumber.

"Prestasi kita dalam tempoh suku abad kemerdekaan adalah merendak," katanya.

Lantaran itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak nampak mengapa negara ini tidak boleh menjadi sebuah negara perindustrian baru yang maju.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, strategi konsep Persyarikatan Malaysia adalah untuk berusaha menjadikan kerjasama sektor awam dan swasta lebih bermakna dan lebih produktif.

"Saya percaya kita boleh meningkatkan prestasi pembangunan negara ini melalui strategi ini," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri 5870  
No. Penerbitan 187/86